

Perlembagaan jamin kebebasan beragama

Malaysia paling aman

Oleh KU MOHD. RIZDUAN KU
ABDUL RAHMAN
kurizduan.kurahman@kosmo.com.my

NILAI - Malaysia merupakan antara negara yang paling aman di dunia kerana terdapat jaminan dalam Perlembagaan mengenai kedudukan agama Islam dan hak kebebasan beragama bagi masyarakat bukan muslim.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, walaupun Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum dan agama, konflik antara agama yang membawa kepada kekecohan dan pertumpahan darah seperti yang berlaku di kebanyakan negara majmuk lain tidak terjadi di negara ini.

"Alhamdulillah, ini adalah antara rahmat anugerah Allah kepada Malaysia berkat kebijaksanaan dan wawasan jauh kepimpinan negara kita dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian dalam sesebuah negara majmuk.

"Pada masa sama, hak kebebasan beragama bagi masyarakat bukan Islam juga dijamin oleh Perlembagaan.



MUSA (kiri) bertukar dokumen memorandum persefahaman dengan Ismail (tiga dari kanan) sambil disaksikan oleh Muhyiddin (tiga dari kanan) dan Mohamad (empat dari kanan) pada majlis pelancaran kursi Mohd. Yassin di Dewan Besar USIM di Nilai semalam.

bagaan. Mereka boleh mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing secara aman dan harmoni di mana-mana tempat di Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Kursi Kepimpinan Islam Tuan Guru Haji Mohd. Yassin Muhammad di Dewan Besar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini semalam.

Hadir sama ialah Yang Dipertua Dewan Negara, Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang; Menteri Besar

Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail; Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dan Ahli lembaga Pemegang Amanah Yayasan Nurul Yaqeen, Datuk Wira Dr. Ismail Ibrahim.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan menambah, penubuhan kursi tersebut amat bertepatan dengan komitmen kerajaan untuk meningkatkan marta-

bat umat Islam di mata dunia.

Kursi Kepimpinan Islam itu dinamakan sempena nama bapa Muhyiddin, sebagai penghargaan terhadap ketokohan Allahyarham Mohd. Yassin semasa hayatnya. Tokoh agama dari Muar, Johor itu merupakan seorang ulama yang progresif serta memiliki jati diri dalam memperjuangkan kepentingan agenda Melayu dan pembangunan Islam di Malaysia khususnya menerusi bidang pendidikan dan pentadbiran.